

Penggunaan Petunjuk Konteks dalam Menentukan Makna Kontekstual Perkataan Arab dalam Teks Berita Politik

The Use of Context Clues in Determining Contextual Meaning of Arabic Words in Political News Text

Syazmira binti Mansor¹, Mohd Azidan bin Abdul Jabar²

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
02 OKT 2019	25 NOV 2019	26 DIS 2019

ABSTRAK

Konteks memainkan peranan penting dalam pengajian bahasa dan linguistik termasuk bahasa Arab. Makna sesuatu perkataan tidak boleh difahami tanpa mengambil kira unsur konteks yang melatarinya. Kebanyakan pelajar menghadapi kesukaran dalam menentukan makna perkataan Arab apabila gagal memahami konteks dengan baik. Walau bagaimanapun, perkataan, frasa atau ayat yang terdapat dalam teks atau wacana boleh menjadi petunjuk kepada pelajar untuk memahami konteks dan makna perkataan yang tidak diketahui. Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti peranan petunjuk konteks dalam menentukan makna kontekstual perkataan Arab dalam kalangan pelajar. Pengkaji juga akan menganalisis proses pemahaman pelajar dari sudut analisis wacana kritis dengan menggunakan model tiga dimensi yang dipelopori oleh Norman Fairclough. Kajian ini dijalankan melalui kaedah soalan ujian dan temu bual bersama 12 orang pelajar Sarjana Ijazah Muda dalam pengkhususan bahasa Arab dari UPM, UKM dan USIM. Pengkaji telah memilih empat perkataan Arab daripada sebuah teks berita politik yang dipetik daripada sebuah portal berita atas talian iaitu al-Ra'i. Perkataan yang dipilih adalah perkataan yang mempunyai lebih daripada satu makna dan boleh berubah-ubah maknanya mengikut konteks ayat. Pelajar dikehendaki untuk menentukan makna perkataan tersebut secara kontekstual dengan menyatakan petunjuk konteks yang terdapat dalam teks yang dapat membantu mereka menentukan makna tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa petunjuk konteks mampu membantu pelajar dalam memahami makna perkataan Arab dan meningkatkan lagi kefahaman pelajar tentang makna berdasarkan konteks ayat. Justeru penggunaan petunjuk konteks dalam memahami makna perkataan Arab amat wajar dipraktikkan dan dijadikan panduan kepada penuntut bahasa Arab untuk bukan penutur jati terutamanya.

Kata Kunci: Makna perkataan, petunjuk konteks, model tiga dimensi, kontekstual

ABSTRACT

Context plays an important role in language and linguistic studies including Arabic language. The meaning of a word cannot be understood without considering the contextual elements that underlie it. Most students face difficulties to determine the meaning of the Arabic word when they fail to understand the context properly. However, words, phrases or

¹ Syazmira bt Mansor, Calon Ijazah Sarjana, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM

² Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM, azid@upm.edu.my

sentences contained in the text or discourse can serve as a guide or clue for students to understand the context and meaning of unknown words. Therefore, this study aimed to identify the role of context clues in determining the contextual meaning of Arabic words among students. The researcher will also analyze the students' understanding of critical discourse analysis using a three-dimensional model pioneered by Norman Fairclough. This study was conducted through a test questionnaire and interviews with 12 undergraduate students in Arabic specialization from Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) and Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Researchers have selected four Arabic words from a political news text quoted from an online Arabic news portal, al-Ra'i. The word chosen is a word that has more than one meaning and can be interpreted in different context of sentences. Students are required to define the meaning of the word contextually by providing context clues in the text that can help them determine the meaning. The findings show that context clues may help students to understand the meaning of Arabic words and enhance students' understanding of meaning based on contextual sentences. Thus, the use of context clues in understanding the meaning of the Arabic word is highly practiced and serves as a guide for Arabic language learners to be non-native speakers.

Keywords: Word meanings, context clues, three-dimensional, contextual

PENGENALAN

Pemerolehan makna perkataan dalam sesebuah teks atau wacana tidak boleh didapati secara leksikal atau makna tunggal semata-mata, tetapi perlu mengambil kira unsur konteks yang melatarinya. Pemahaman makna kosa kata berdasarkan konteks linguistik bermaksud suatu perkataan difahami maknanya dalam konteks ayat dan dalam struktur gramatis berasaskan peraturan dan prinsip nahu (Requejo, 2007) atau perkaitan makna dengan perkataan lain (Benjamin, A. & Crow, 2009). Tidak dapat dinafikan, penguasaan kosa kata adalah elemen utama dalam mempelajari sesuatu bahasa termasuk bahasa Arab terutamanya ketika berkomunikasi dengan teks atau wacana. Namun, pemahaman tentang makna semata-mata tidak mencukupi tanpa mengambil kira konteks di sebaliknya. Pemahaman makna perkataan juga boleh dicapai dengan memanfaatkan petunjuk konteks yang terdapat dalam sesebuah teks.

Apabila berhadapan dengan sesebuah teks atau wacana, pembaca perlu membaca sekurang-kurangnya 98% daripada keseluruhan perkataan dalam teks untuk tujuan pemahaman (Carver, Hu, 2000). Pembaca akan mengalami kesukaran untuk memahami isi penting serta mesej di sebalik keseluruhan teks jika terdapat banyak perkataan yang tidak diketahui maknanya. Hibbard (2009) berpendapat bahawa salah satu teknik berkesan untuk membantu proses pemahaman makna kosa kata yang sukar adalah berdasarkan klu-klu atau petunjuk yang terdapat dalam konteks ayat. Maklumat yang membekalkan makna perkataan dalam ayat dikenali sebagai petunjuk konteks (*context clue*). Petunjuk konteks boleh merujuk kepada mana-mana perkataan, istilah, frasa atau ayat yang terdapat dalam teks sama ada dari segi struktur, tatabahasa atau sintaksis. Harris dan Hodges (1995) mendefinisikan petunjuk konteks sebagai strategi membaca yang digunakan untuk menentukan makna perkataan yang tidak diketahui dengan mendapatkan bantuan daripada perkataan, frasa, ayat, atau ilustrasi yang memberikan idea secara langsung atau tidak langsung tentang makna perkataan tersebut.

Selain itu, penggunaan petunjuk konteks juga mampu meningkatkan pengetahuan tentang makna perkataan baru melalui proses membaca. Di samping membaca dapat menambahkan maklumat dan informasi, pembaca juga dapat mempelajari dan mengetahui makna perkataan baru yang tidak pernah ditemui serta tidak difahami maknanya secara kontekstual. Hal ini telah dibuktikan dalam hasil kajian oleh Yuen (2009) yang menunjukkan penggunaan petunjuk konteks mampu menghasilkan peningkatan dari segi pemahaman tentang makna perkataan baru ketika membaca sesebuah teks atau wacana.

Hasil beberapa kajian lepas telah membuktikan keberkesanan penggunaan petunjuk konteks dalam pembacaan dan pengajian bahasa. Kajian yang dibuat oleh Mahmoud (2016) telah mengkaji tentang bagaimana petunjuk konteks dapat membantu pelajar yang mengambil jurusan *English as a Foreign Language (EFL)* dalam proses membaca. Dapatan kajian mendapati bahawa pelajar menunjukkan peningkatan secara beransur-ansur dalam menggunakan petunjuk konteks dan memberikan makna yang lebih jelas kepada kata-kata yang tidak diketahui maknanya.

Seterusnya, kajian Azman & Mohd Rawian (2012) menyatakan proses meneka makna perkataan menggunakan konteks atau petunjuk konteks mempunyai batasan yang tersendiri. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sama ada pelajar memilih untuk meneka dalam strategi pembelajaran perbendaharaan kata atau tidak. Antara objektif lain kajian ini adalah untuk melihat korelasi antara strategi meneka dalam kalangan pelajar dengan pengetahuan perbendaharaan kata pasif dan aktif mereka. Namun hasil yang didapati daripada kajian ini adalah strategi meneka lebih menjadi pilihan pelajar, tetapi tidak membantu pelajar dalam meningkatkan pengetahuan perbendaharaan kata. Tahap penguasaan perbendaharaan kata pasif dan aktif dalam kalangan pelajar juga berada pada tahap lemah. Walau bagaimanapun, hasil kajian menganggap penggunaan petunjuk konteks bagus untuk strategi pembacaan tetapi tidak sesuai untuk mengembangkan perbendaharaan kata dalam kalangan pelajar.

Berbeza pula hasil kajian berkaitan petunjuk konteks yang dijalankan oleh Reardon (2011). Kajian ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman pelajar membaca teks bahasa Inggeris dengan mengajar mereka menggunakan petunjuk konteks. Teks-teks tersebut diambil daripada beberapa sumber iaitu buku latihan, buku cerita, surat khabar dan artikel. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar di peringkat menengah rendah dapat meningkatkan pemahaman bacaan mereka apabila menggunakan petunjuk konteks untuk membantu memahami kosa kata yang tidak diketahui. Pelajar juga menunjukkan peningkatan 5% hingga 21% dalam kefahaman membaca selepas menggunakan petunjuk konteks.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kajian kualitatif yang dijalankan menggunakan kaedah lapangan. Pengkaji mendapatkan data kajian melalui soalan ujian dan temu bual daripada responden dalam kalangan pelajar university awam. Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji juga turut mengumpul data kajian daripada sumber buku, tesis, artikel, dan jurnal. Kajian ini melibatkan 12 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda yang mengambil pengkhususan bahasa Arab di universiti awam sekitar negeri Selangor dan Negeri Sembilan iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia

(USIM). Dapatan kajian dianalisis menggunakan analisis deskriptif untuk menjelaskan penggunaan petunjuk konteks dalam penentuan makna perkataan Arab oleh pelajar. Pengkaji telah mengaplikasikan sebuah model daripada bidang analisis wacana kritis dalam kajian ini. Pengkaji telah memilih model tiga dimensi yang dipelopori oleh Norman Fairclough (1989) yang mengaitkan wacana dengan proses sosial yang dialami oleh pembaca.

Selain itu, pengkaji menggunakan sebuah teks berita Arab dalam bidang politik yang diambil daripada salah satu portal berita Arab atas talian yang terkenal di dunia arab terutamanya di negara Jordan iaitu al-Ra'i (<http://alrai.com>). Antara rasional pengkaji memilih portal berita ini adalah kerana mereka menggunakan bahasa Arab fusha yang mudah difahami oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar universiti. Portal berita ini juga memaparkan pelbagai isu semasa sama ada berita dalam negara mahupun luar negara.

Bagi memudahkan proses menganalisis, pengkaji menggunakan kaedah pengekodan dalam kajian ini. Terdapat empat perkataan Arab yang telah diuji dalam kajian ini dan setiap perkataan tersebut dilabelkan dengan kod "P". Manakala bagi responden pula, pengkaji menggunakan kod "R" dalam penganalisan data.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian akan membincangkan tentang hasil jawapan yang diberikan oleh 12 orang responden berkaitan proses penentuan makna perkataan Arab berdasarkan petunjuk konteks. Hasil dapatan kajian akan dihuraikan meliputi kerangka model tiga dimensi Norman Fairclough yang terdiri daripada dimensi tekstual, amalan wacana dan proses sosial. Pengkaji menghuraikan satu per satu dimensi tekstual dan amalan wacana berkaitan penentuan makna perkataan Arab secara kontekstual berdasarkan petunjuk konteks. Manakala dalam dimensi ketiga, pengkaji menghuraikan proses yang dilalui oleh pelajar untuk menentukan petunjuk konteks serta makna perkataan Arab yang telah diuji.

Analisis Dimensi Tekstual

Dimensi tekstual tertumpu kepada unsur linguistik yang terdapat dalam sesebuah wacana atau teks termasuk kosa kata, unsur nahu, semantik dan sebagainya. Dalam dimensi ini, pengkaji akan melihat makna kontekstual yang ditentukan oleh responden berdasarkan perkataan yang telah diuji. Pengkaji telah mengelaskan jawapan responden dalam bentuk jadual di bawah:

Responden (R)	Perkataan Arab (P)	Makna Perkataan Secara Kontekstual			
		P1	P2	P3	P4
01	P1. سلام	Keamanan	Pengurusan	Penasihat	Memberitahu
02		Perdamaian	Pengurusan	Penasihat	Memaklum
03		Keamanan	Pengurusan	Penasihat	Disampaikan melalui
04		Perdamaian	Pengurusan	Penasihat	Melalui

05	P2. الإدارة	Perdamaian	Pengurusan	Penasihat	Disampaikan
06	P3. مستشار	Damai	Pentadbiran	Penasihat	Memaklumkan
07		Kesejahteraan	Pentadbiran	Penasihat	Memaklumkan
08	P4. إبلاغ	Keamanan	Pentadbiran	Presiden	Dimaklumkan
09		Keamanan	Pentadbiran	Perunding	Maklumkan
10		Kesejahteraan	Pentadbiran	Perunding	Penyampaian
11		Selamat	Pejabat	Maklumkan	Mengembalikan
12		Keamanan	Pentadbiran	Perunding	Memaklumkan

Berdasarkan penelitian pengkaji, makna kontekstual yang ditentukan oleh responden bagi perkataan yang diuji agak bervariasi. Bagi makna kontekstual P1, responden memberikan makna kontekstual yang hampir sama maknanya dan bertepatan dengan konteks dalam teks asal. Perkataan *سلام* boleh diertikan dengan aman, selamat, damai dan sejahtera.

Seterusnya, bagi perkataan kedua yang diuji iaitu P2, pengkaji mendapati bahawa responden tidak menghadapi masalah dalam menentukan makna kontekstual perkataan *الإدارة*. Makna pengurusan dan pentadbiran yang diberikan oleh responden ini merujuk kepada pentadbiran negara Israel yang ingin melakukan perdamaian dengan Palestin. Hanya seorang sahaja responden iaitu R11 yang memberikan makna literal bagi *الإدارة* iaitu pejabat dan tidak sesuai untuk dipadankan dengan konteks ayat dalam teks berita asal.

Bagi P3 pula, kebanyakan responden memberikan makna kontekstual bagi *مستشار* sebagai penasihat yang merujuk kepada orang kanan presiden Israel iaitu Donald Trump. R09, R10 dan R12 mentafsirkannya sebagai perunding yang mempunyai tugas yang hampir sama dengan penasihat namun tidak begitu sesuai untuk dirujuk kepada orang kanan bagi seorang pemimpin. R11 pula memberikan makna kontekstual dalam bentuk kata kerja iaitu, memaklumkan yang dilihat agak jauh tersasar daripada makna kontekstual sebenar. Hanya seorang responden iaitu R08 mentakrifkan perkataan *مستشار* sebagai presiden namun makna ini kurang tepat dengan makna kontekstual yang dimaksudkan dalam teks asal.

Akhir sekali, bagi P4, makna kontekstual yang ditentukan oleh 12 responden adalah berbeza-beza. Namun secara keseluruhannya, makna memberitahu, memaklum dan disampaikan, membawa maksud yang hampir sama menurut Kamus Dewan Edisi Keempat iaitu memanjangkan sesuatu maklumat kepada seseorang atau kepada umum. Namun, R04 yang memberikan makna kontekstual “melalui” yang menunjukkan kaedah atau cara penyampaian maklumat tersebut. R11 pula mentafsirkan perkataan *إبلاغ* sebagai mengembalikan tetapi tidak sesuai dengan konteks ayat dalam teks asal.

Kesimpulannya, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden mampu untuk menentukan makna kontekstual dalam teks berita politik. Hanya terdapat beberapa responden

yang kurang faham konteks ayat yang disampaikan dalam teks asal yang membawa kegagalan menentukan makna kontekstual yang betul dan tepat.

Analisis Dimensi Amalan Wacana

Dimensi amalan wacana akan lebih fokus kepada cara pelajar menginterpretasi makna perkataan Arab dengan menggunakan bantuan petunjuk konteks yang terdapat di dalam wacana atau teks. Fairclough menjelaskan prosedur interpretasi dalam dimensi ini yang secara dasarnya dibahagikan kepada dua bahagian iaitu interpretasi terhadap teks dan konteks. Justeru pengkaji mengaitkan penentuan makna perkataan Arab dengan petunjuk konteks yang dipilih oleh responden untuk mencapai makna tersebut.

Perkataan Arab (P)	Responden (R)	Petunjuk Konteks
P1 سلام	01, 02, 03, 04, 05, 06, 08, 12	بين الفلسطينيين والاسرائيليين
	07, 09, 11	نشر خطته
	10	Pernah menggunakan dan selalu dengar
P2 الادارة	01, 03, 04, 05, 07, 08, 09, 12	المسؤولين
	02, 06	مساعد
	10, 11	في
P3 مستشار	02, 03, 04, 05, 06, 08, 10, 12	صهر الرئيس ترمب
	01, 07, 11	جاريد كوشنر
	09	Orang yang berurusan dengan suatu pihak
P4 إبلاغ	02, 04, 08	بعض الخلفاء والشركاء
	01, 07	سرية في
	03, 05, 10, 12	شرعا بالفعل
	06, 09, 11	Pengumuman

Berdasarkan petunjuk konteks yang dikeluarkan oleh responden, dilihat setiap responden mempunyai kaedah pemahaman dan pandangan yang berlainan. Namun, bagi P1, pengkaji mendapati bahawa R01, R02, R03, R04, R05, R06, R08 dan R12 telah memilih ayat “بين الفلسطينيين والاسرائيليين” yang membawa maksud antara Palestin dan Israel sebagai petunjuk konteks bagi menentukan makna kontekstual “سلام”. Maksud perdamaian lazimnya akan melibatkan dua pihak, seperti mana dalam teks asal, ia merujuk kepada dua negara yang tidak mempunyai hubungan yang baik iaitu Palestin dan Israel. Berbeza dengan R07, R09, dan R11 yang berpandangan bahawa ayat “نشر خطته” telah menjadi petunjuk konteks kepada mereka dalam proses menentukan makna kontekstual P2. Ayat tersebut membawa maksud “untuk mengumumkan rancangannya” berkaitan perjanjian perdamaian antara Palestin dan Israel. Selain itu, R10 telah menggunakan pengetahuan sedia ada sebagai petunjuk konteks. R10 menyatakan bahawa responden pernah menggunakan perkataan سلام dan sering mendengar perkataan tersebut. Ini bermakna petunjuk konteks tidak semestinya diambil daripada teks semata-mata, tetapi pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh responden juga turut boleh dimanfaatkan dalam membantu menentukan makna kontekstual perkataan Arab.

Bagi P2 pula, responden telah mengeluarkan tiga petunjuk konteks yang berbeza. R01, R03, R04, R05, R07, R08, R09 dan R12 telah memilih perkataan “المسؤولين” yang bermaksud pegawai pentadbiran sebagai petunjuk konteks bagi menentukan makna kontekstual “الادارة”. Pegawai pentadbiran adalah pihak yang terlibat dalam perjanjian damai antara negara Palestin dan Israel. Perkataan “المسؤولين” berada sebelum perkataan yang diuji dan merupakan pelengkap bagi “الادارة” menjadi klu atau petunjuk kepada responden untuk memahami makna kontekstual tersebut. Berbeza pula pandangan R02 dan R06 yang telah memilih perkataan “مساعد” yang merujuk kepada seorang pembantu dalam kongres tersebut sebagai petunjuk konteks. Selain itu, R10 dan R11 telah merujuk perkataan yang betul-betul berada sebelum الادارة iaitu “في” yang bermaksud “dalam”, merujuk kepada pegawai dalam pentadbiran.

Seterusnya, petunjuk konteks bagi P3 yang ditentukan oleh R02, R03, R04, R05, R06, R08, R10 dan R12 adalah “صهر الرئيس ترمب” yang bermaksud Presiden Trump, bagi menentukan makna kontekstual “مستشار”. Penasihat adalah individu atau kumpulan yang mempunyai kemahiran dalam sesuatu bidang yang kepakarannya digunakan untuk sesuatu tujuan oleh organisasi atau syarikat. Manakala bagi R01, R07 dan R11 telah merujuk kepada nama penasihat dalam teks tersebut iaitu “جاريد كوشنر” sebagai petunjuk konteks untuk mengetahui makna kontekstual bagi P3. Jared Kouchner adalah individu yang memegang jawatan sebagai penasihat kepada Presiden Trump yang mewakili negara Israel. Hanya seorang responden, R09 telah memberikan definisi atau makna bagi perkataan “مستشار” iaitu orang yang berurusan dengan sesuatu pihak dan ia boleh juga dirujuk sebagai penasihat

dalam teks asal. Hal ini menunjukkan responden menggunakan makna daripada kamus dan disesuaikan dengan konteks ayat dalam teks berita tersebut.

Akhir sekali, untuk mencapai makna kontekstual P4, beberapa orang responden termasuk R02, R04 dan R08 telah memilih frasa “بعض الحلفاء والشركاء” yang bermaksud beberapa sekutu dan rakan kongsi sebagai petunjuk konteks. Frasa ini merujuk kata kerja “memberitahu” ditujukan kepada beberapa sekutu dan rakan kongsi tersebut. Frasa ini juga terletak betul-betul selepas perkataan “إبلاغ” dalam teks sebenar. Bagi R01 dan R07 pula, perkataan “سرية في” yang membawa maksud “secara rahsia” telah menjadi petunjuk konteks bagi mengetahui makna “إبلاغ” dalam teks. Makna “secara rahsia” ini menunjukkan kaedah yang digunakan oleh kroni Presiden Trump untuk memberitahu beberapa sekutunya. Berbeza dengan pilihan R03, R05, R10, dan R12 yang memilih “شرعا بالفعل” yang bermaksud “sudah mula” sebagai petunjuk konteks. Ini adalah ayat yang berada sebelum P4 yang menunjukkan perbuatan Presiden dan sekutunya yang sudah memberitahu tentang rancangan perdamaian mereka dengan Palestin. Manakala R06 dan R11 menyatakan petunjuk konteks bagi P2 adalah “pengumuman”, namun ia lebih sesuai dirujuk sebagai makna bagi perkataan إبلاغ dan agak kurang tepat apabila dimasukkan dalam konteks ayat dalam teks asal.

Berdasarkan analisis dimensi wacana ini, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa petunjuk konteks memainkan peranan penting dalam membantu responden menentukan makna perkataan Arab secara kontekstual. Responden tidak perlu merujuk kepada kamus setiap kali berhadapan dengan perkataan yang sukar kerana klu atau petunjuk yang terdapat dalam teks juga banyak membantu dalam menentukan makna yang kurang jelas atau tidak diketahui.

Analisis Dimensi Proses Sosial

Dimensi proses sosial adalah analisis terakhir dalam kerangka teori model Fairclough. Analisis dimensi sosial melibatkan proses penjelasan kritis atau *critical explanation*. Berdasarkan objektif kajian ini, pengkaji akan merungkai tentang proses pemahaman pelajar dalam menentukan makna kontekstual perkataan Arab berdasarkan petunjuk konteks yang terdapat dalam teks berita politik.

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual bagi mendapatkan data kajian untuk menyempurnakan dimensi ketiga ini. Hasil temu bual yang dilakukan dapat menyimpulkan bahawa terdapat dua proses atau cara yang sering kali digunakan oleh responden untuk memilih petunjuk konteks seterusnya menentukan makna kontekstual bagi perkataan yang diuji.

1. Merujuk perkataan sebelum dan selepas

Pengkaji mendapati bahawa cara mendapatkan petunjuk konteks dengan merujuk perkataan sebelum dan selepas adalah teknik yang paling banyak digunakan dalam kalangan responden. Perkataan atau ayat yang berada sebelum dan selepas perkataan Arab yang diuji sangat

memainkan peranan dalam membantu pelajar memahami makna perkataan tersebut. Perkataan atau ayat yang menjadi petunjuk konteks tersebut boleh dikategorikan sebagai perkataan sinonim, definisi, istilah yang sering digunakan dalam kehidupan harian, ayat penyata dan sebagainya. Responden juga menjadikan perkataan dan ayat yang berada sebelum dan selepas itu sebagai klu kemudian mengaitkannya dengan konteks dan makna ayat yang ingin disampaikan.

(R01) *“Mengetahui makna **perkataan sebelum dan selepas** kata kunci, seterusnya memadankan makna perkataan dengan penceritaan konteks dalam teks”*

(R03) *“Dengan mencari makna perkataan yang tidak difahami kemudian mengenal pasti **ayat sebelum dan selepas** perkataan tersebut”*

(R04) *“Saya akan mencari perkataan yang mempunyai kaitan dengannya atau dengan melihat atau membaca **ayat sebelum atau selepasnya**”*

(R10) *“Melihat atau merujuk **ayat sebelum dan selepas** sesuatu makna untuk difahami apa tujuan karangan tersebut”*

Selain merujuk perkataan atau ayat sebelum dan selepas, responden juga cuba mencari perkaitan antara ayat dan perkataan tersebut dengan perkataan Arab yang diuji sebagaimana yang dinyatakan.

(R05) *“Merujuk **ayat yang berkaitan** dengan makna sama ada sebelum atau selepas ayat berkaitan”*

2. Bantuan perkataan lain yang difahami

Selain merujuk perkataan atau ayat sebelum dan selepas perkataan Arab yang diuji, responden juga merujuk kepada perkataan lain yang difahami untuk mencari klu atau petunjuk. Setiap perkataan, frasa dan ayat dalam sesebuah teks memainkan peranan dalam menyampaikan maksud yang tersirat dan tersurat. Selain memahami makna perkataan, konteks juga tidak boleh diabaikan bagi menentukan makna sesuatu perkataan. Apabila responden berjaya menguasai kedua-dua, makna dan konteks, tidak menjadi masalah kepada responden untuk menentukan petunjuk konteks seterusnya membantu memilih makna kontekstual yang tepat dalam sesebuah teks atau wacana.

(R02) *“Cari **perkataan yang difahami** dan perkataan yang boleh membantu saya mengetahui makna perkataan”*

(R09) *“Cuba memahami tajuk dan cuba **faham beberapa kalimah** di dalam nas”*

(R12) *“**Faham makna perkataan** atau teks”*

3. Memahami konteks ayat

Unsur konteks tidak boleh diabaikan dalam menentukan makna suatu perkataan atau ayat dalam sesebuah teks. Dapatan kajian Berrin Manga Çetinavcı (2014) menunjukkan bahawa ayat yang kaya dengan konteks telah membolehkan pelajar untuk meneka makna perkataan daripada konteks dengan betul. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat responden yang

memanfaatkan pemahaman konteks ayat dalam menentukan petunjuk konteks yang berupaya membantu mereka menentukan makna kontekstual perkataan Arab yang tepat dan betul.

(R08) "*Fahamkan petunjuk konteks dalam teks*"

(R11) "*Melihat konteks ayat dan isi penting teks*"

(R06) "*Dengan melihat persamaan konteks yang dibincangkan dalam teks*"

Selain memahami konteks, terdapat juga responden yang merujuk kepada perkataan lain yang menerangkan perkataan Arab yang diuji sebagai petunjuk konteks sebagaimana yang dinyatakan,

(R07) "*Cari petunjuk konteks yang menerangkan sesuatu perkataan tersebut atau perkataan itu merujuk kepada petunjuk konteks*".

Secara keseluruhan ketiga-tiga dimensi, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa responden mampu memanfaatkan petunjuk konteks dengan sebaiknya dalam menentukan makna kontekstual bagi perkataan yang diuji. Responden menggunakan pemikiran kritis dengan mengaitkan perkataan lain yang terdapat dalam teks sama ada perkataan sebelum, selepas atau mana-mana perkataan yang terdapat dalam teks sebagai petunjuk konteks bagi menentukan makna perkataan yang dikehendaki.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan petunjuk konteks mampu memberi impak positif dan efektif dalam pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Kebanyakan pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab menghadapi kesukaran untuk memahami maksud perkataan yang sukar atau jarang-jarang ditemui. . Keadaan ini turut diperakui oleh satu kajian yang dijalankan oleh Yusri, Rahimi, Shah, Wah, & Sahrir (2012) di sebuah universiti tempatan yang mendapati penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar universiti berada pada tahap yang sederhana dan perlu kepada penambahbaikan.

Selain penguasaan nahu dan sorof, unsur konteks juga memainkan peranan penting dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Tenaga pengajar khususnya perlu memberi lebih perhatian dan penekanan kepada teknik atau cara untuk memahami konteks sesuatu perkataan atau ayat dalam sebuah teks, tidak hanya bergantung kepada makna leksikal daripada kamus semata-mata.

Kebanyakan pelajar pada hari ini lebih memilih jalan mudah dengan merujuk kepada kamus atas talian atau *Google Translate* kerana teknik ini lebih menjimatkan masa dan tenaga. Teknologi berbantuan komputer dan internet ini berfungsi dengan canggih yang mampu melakukan terjemahan secara automatik dan cepat berbanding kaedah terjemahan secara manual (Imran Ho, 2003). Namun begitu, kelemahan *Google Translate* dilihat tidak menepati konteks dan makna keseluruhan ayat seperti terjemahan manual kerana keupayaan mesin terjemahan dalam konteks makna ayat agak terbatas (Vitek, 2010).

Justeru, dari sudut pandangan pengkaji, konteks adalah salah satu elemen penting dan tidak boleh diabaikan terutamanya dalam mempelajari sesuatu bahasa. Teknik pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab juga perlu dipelbagaikan supaya dapat menerapkan minat serta meningkatkan penguasaan dan pemahaman pelajar, termasuk memperkenalkan teknik petunjuk konteks.

Kesimpulannya, penggunaan petunjuk konteks mampu membantu pelajar dalam menentukan makna perkataan Arab secara tepat dan betul. Kaedah ini masih belum dipraktikkan sepenuhnya dalam pengajian bahasa Arab di Malaysia kerana kebanyakan pelajar masih bergantung kepada makna kamus atau aplikasi atas talian seperti *Google Translate* dan sebagainya.

Oleh itu, pengkaji mempunyai harapan yang tinggi agar kajian ini dapat membuka mata tenaga pengajar serta pengkaji bahasa Arab lain dalam meningkatkan usaha memanfaatkan petunjuk konteks dalam sesi pembelajaran sama ada di dalam mahu pun di luar kelas. Penambahbaikan dari segi kreativiti dan kaedah penggunaan petunjuk konteks ini dapat memberi kesan positif dalam perkembangan bidang bahasa Arab di Malaysia.

RUJUKAN

- Azman Mokhtar & Mohd Rawian, R. (2012). Guessing Word Meaning from Context Has Its Limit: Why? *International Journal of Linguistics*, 4(2), 288–305.
- Benjamin, A. & Crow, J. T. (2009). *Vocabulary at the Center*. Larchmont, New York: Eye On Education.
- Carver, R. (2000). Percentage of Unknown Vocabulary Words in Text as A Function of the Relative Difficulty of the Text: Implications for Instruction,. *Journal of Reading Behaviour*.
- Harris, T.L., & Hodges, R.E. (EDs.). (1995). *The Literacy Dictionary: The Vocabulary of Reading and Writing*. Newark, DE: International Reading Association.
- Hibbard, R. (2009). The Effects of Context Clue Instruction on Finding an Unknown Word, (August), 1–29. New York
- Hu, M. & N. (2000). Vocabulary density and reading comprehension. *Reading in a Foreign Language*. 13, 403-430
- Mahmoud, S. (2016). How Contextual Clues and Nonsense Words Facilitate Reading Comprehension. *Journal of Language Teaching and Research*, 7(1), 88–98.
- Norman Fairclough. (1989). *Language and Power*. United Kingdom. Longman Group Limited.

- Nur Naimah Akmar Kamarudin, Harun Baharudin (2016). Penggunaan *Google Translate* dalam Aktiviti Terjemahan Kata Arab. Persidangan Kebangsaan Isu-Isu Pendidikan Islam 2016 (Ispen-I 2016). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 21-22 Mei 2016
- Reardon, K. T. (2011). To What Degree Will Learning To Use Context Clues Impact Students' Reading Comprehension Scores? Master Thesis. University of Wisconsin
- Requejo, M. P. (2007). The Role of Context in Word Meaning Construction: A Case Study. *International Journal of English Studies*, 7(1), 169–173.
- Waern, Y. (1988). *Thoughts on Text in Context: Applying the Think-Aloud Method to Text Processing*. *Journal for the Study of Discourse*, 8(4). 327–350
- Yuen, J. (2009). *Context Clue Detectives: Empowering Students with a Self-Learning Device through the Teaching of Context Clues*. Master's Thesis. University of California.
- Yusri, G., Rahimi, N. M., Shah, P. M., Wah, W. H., & Sahrir, M. S. (2012). Penggunaan bahasa Arab lisan dan hubungannya dengan strategi pengurusan sumber. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 505–520